

27/07/1999

Dialog disyor hasilkan Inisiatif Langkawi

DIALOG empat hari dijangka menghasilkan 'Inisiatif Langkawi Untuk Senibina Kewangan Baru' di akhir sesi pada 28 Julai ini.

Walaupun Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) bukan satu forum rasmi antarabangsa, beberapa peserta membangkitkan perlunya suara negara Selatan-Selatan yang bersatu untuk menyampaikan pandangan mereka mengenai rangka kerja baru kewangan antarabangsa.

Cadangan menghasilkan Inisiatif Langkawi dikemukakan Profesor Thomas deGregori dari Universiti Houston, Amerika Syarikat dalam sesi pembukaan semalam.

Menurutnya, ekonomi sedang membangun dan baru muncul harus mengambil peluang untuk mengambil bahagian dalam usaha merangka satu senibina baru kewangan yang kini diterajui Bank Dunia.

Sambil memetik ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan rangka kerja baru memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak, deGregori berkata, LID adalah platform yang baik untuk tujuan itu.

Sementara itu, Pengarah Bersama, Majlis Eksekutif LID, Dr Tasir Lope Pihie, berkata memang ada kemungkinan satu inisiatif dikeluarkan pada akhir dialog.

Bagaimanapun, katanya, Inisiatif Langkawi tidak akan diserahkan kepada mana-mana badan antarabangsa untuk dipertimbangkan kerana ia bukan forum rasmi.

"Menerusi LID peserta mempelajari dan mengambil iktibar daripada semangat perbincangan. Sebarang idea yang dikemukakan diambil dan dijadikan panduan.

"Jika ada inisiatif itu, ianya adalah bagi memperkukuh suara dari negara miskin dan membangun dalam mengemukakan apa yang dimahukan daripada senibina baru kewangan dunia," katanya.

Sementara itu, kejayaan Malaysia melaksanakan langkah pemulihan ekonomi ingin dipelajari oleh kebanyakan negara Afrika.

Menurut Dr Tasir, kumpulan yang kini dikenali sebagai Pasukan Malaysia, iaitu peneraju agensi yang bertanggungjawab melaksanakan program pemulihan, mula menjadi buruan di LID.

Pasukan itu dianggotai Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Ali Abdul Kadir; Ketua Eksekutif Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, Azman Yahya; Pengarah Urusan Danamodal Nasional Bhd, Mohd Daul Dol Moin; dan Pengerusi Eksekutif Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC), Datuk C Rajandram.

(END)